# Bab 1
# PENDAHULUAN

*Firman Allah S.W.T. :*

*"Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan."*

*(Al-Maidah : Ayat 2)*

## PENGENALAN

Bab pendahuluan ini merangkumi tujuan manual disediakan, skop serta penerangan berkenaan MAIN sebagai pemegang amanah. Antara tujuan utama Manual ini diterbitkan adalah untuk memberi penjelasan mengenai konsep Harta Luqatah menurut perspektif syarak serta menyediakan tatacara dan garis panduan yang jelas mengenai pengurusan harta luqatah. Skop Manual ini pula menyentuh aspek-aspek hukum Harta Luqatah serta kaedah-kaedah yang digunapakai oleh MAIN. Peranan MAIN sebagai pemegang amanah juga disentuh dengan mengambil rujukan pada Seksyen 74, Jadual Kesembilan [Perkara 74, 77] Senarai Perundangan; Senarai II-Senarai Negeri di dalam Perlembagaan Malaysia.

## TUJUAN PENYEDIAAN MANUAL

Manual Pengurusan Harta Luqatah ini bertujuan untuk :

a) Memberikan penjelasan mengenai konsep Harta Luqatah menurut perspektif syarak;

b) Menyediakan tatacara dan garis panduan yang jelas mengenai pengurusan Harta Luqatah;

c) Menambahbaik dan meningkatkan tahap kecekapan pengurusan Harta Luqatah; dan

d) Menyeragamkan bentuk pengurusan Harta Luqatah bagi semua MAIN.

## SKOP

Manual ini menyentuh aspek-aspek hukum Harta Luqatah serta kaedah-kaedah yang digunapakai oleh MAIN. Ianya merupakan usaha secara strategik untuk memantapkan pengurusan Harta Luqatah di negeri-negeri dan sebagai rujukan masyarakat berhubung pengurusan Harta Luqatah.

## MAIN SEBAGAI PEMEGANG AMANAH

Seksyen 74, Perlembagaan Malaysia meletakkan institusi baitulmal di negara ini berada di bawah kuasa MAIN. Hal-ehwal pengurusan agama berada di bawah bidang kuasa negeri, kecuali bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Oleh itu, kuasa eksekutif berkaitan hal-ehwal Islam adalah menjadi tanggungjawab MAIN, seperti mana yang terkandung dalam Jadual Kesembilan [Perkara 74, 77] Senarai Perundangan; Senarai II-Senarai Negeri (Pindaan Akta A1095):

*“Kecuali mengenai Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, Hukum Syarak dan undang-undang diri*

*dan keluarga bagi orang yang menganut Agama Islam, termasuk Hukum Syarak berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengambilan anak angkat, taraf anak, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat; Wakaf Islam dan ta'rif serta peraturan mengenai amanah khairat dan khairat ugama,* ***perlantikan pemegang-pemegang amanah*** *dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian ugama Islam dan khairat, yayasan, amanah, khairat dan yayasan khairat yang dijalankan, kesemuanya sekali dalam Negeri; adat istiadat Melayu: zakat, Fitrah dan Bait-ul-mal atau hasil ugama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam; mengadakan dan menghukum kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang yang menganut ugama Islam terhadap rukun-rukun Islam, kecuali mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, penyusunan dan acara bagi mahkamah-mahkamah Syariah, yang akan mempunyai bidangkuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut Agama Islam dan hanya mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidangkuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan iktikad dan kepercayaan antara orang-orang yang menganut Agama Islam; menentukan perkara-perkara Hukum Syarak dan iktikad dan adat istiadat Melayu."*

Dalam erti kata lain, MAIN bertanggungjawab membantu Raja dan Ketua Agama Islam Negeri dalam tadbir urus hal-ehwal Islam, dan bertanggungjawab dalam menggubal polisi dan mentadbir agama Islam bagi negeri tersebut. MAIN juga berhak menjadi pemegang amanah kepada Harta Luqatah di negeri-negeri berkenaan. Sebagai contoh, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) tahun 2003 Seksyen 89 menyatakan :

*"Walau apa pun apa-apa peruntukan yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana suratcara atau perisytiharan yang mewujudkan, mengawal, atau menyentuh perkara itu, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah yang tunggal –*

a) *semua wakaf, sama ada wakaf am atau wakaf khas;*

b) *semua nazr am; dan*

c) *segala jenis amanah yang mewujudkan apa-apa amanah khairat bagi menyokong dan memajukan agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut Hukum Syarak,*

*bagi apa-apa harta yang tersentuh oleh wakaf, nazr 'am atau amanah itu dan terletak di dalam Negeri Selangor".*

## KESIMPULAN

Sehubungan itu, adalah menjadi kewajipan MAIN untuk menggalak, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan sosio-ekonomi masyarakat Islam di setiap negeri selaras dengan hukum Syarak. Walau bagaimanapun, tugas-tugas tersebut amat berat dan memerlukan penelitian dan cara kerja yang sistematik dan efektif. Justeru itu, pihak MAIN diharapkan agar lebih aktif dalam mengendalikan hal-ehwal Harta Luqatah dalam mencapai matlamatnya sebagai pemegang amanah Harta Luqatah umat Islam di Malaysia.

## Bab 2
# HARTA LUQATAH MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

*Ubai bin Ka'ab R.A., meriwayatkan:*

*"Saya menemui satu uncang yang berisi seratus dinar dan saya pergi untuk menemui Nabi S.A.W. lalu Baginda bersabda: 'Umumkan tentangnya selama setahun'. Namun tiada siapa yang mengenalinya kemudian saya pergi bertemu Baginda lagi. Baginda bersabda: 'Umumkanlah selama setahun, sehingga tuannya datang. Jika tiada yang datang engkau gunalah.' Lalu saya pun menggunakannya."*

*(Hadis Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)*

## PENGENALAN

Bab kedua ini memaparkan pengertian Harta Luqatah dari sudut syarak iaitu harta yang ditemui di suatu kawasan yang tidak dimiliki, tidak dijaga dan penemu tidak mengenali pemiliknya. Terdapat beberapa dalil yang menguatkan lagi hujah-hujah berkaitan Harta Luqatah ini. Di samping itu, terdapat dua jenis Harta Luqatah iaitu Luqatah Bukan Haiwan dan Luqatah Haiwan. Semasa berada di bawah jagaan penemu Harta Luqatah tersebut, beliau adalah berkewajipan untuk menjaga

harta itu dengan cara yang sepatutnya. Tempoh hebahan harta tersebut pula adalah setahun dan hebahan perlu dilakukan di tempat-tempat awam yang menjadi kunjungan masyarakat umum. Seterusnya, terdapat tiga hukum pemilikan Harta Luqatah tersebut iaitu makruh, haram dan harus berdasarkan kemampuan si penemunya.

## PENGERTIAN HARTA LUQATAH

Dari segi bahasa, luqatah ialah sesuatu yang ditemui di tanah. Menurut syarak pula ialah harta yang ditemui di suatu kawasan yang tidak dimiliki, tidak dijaga dan penemu tidak mengenali pemiliknya.

Luqatah juga bermaksud harta yang hilang dari tuannya dan dijumpai oleh orang lain. Ia juga ditakrifkan sebagai harta tanpa milik yang dihormati yang dijumpai di sesuatu tempat yang tidak sepatutnya disimpan dan si penemunya tidak mengetahui orang yang berhak ke atas harta tersebut.

## DALIL BERKAITAN HUKUM LUQATAH

Zaid bin Khalid Al-Juhani meriwayatkan, seorang lelaki bertanya Rasulullah S.A.W. berkenaan dengan harta luqatah lalu Baginda bersabda:

> *"Hebahkanlah harta tersebut selama setahun"*
>
> (Al-Bukhari dan Muslim)

Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda:

> *"Tidak halal harta luqatah, sesiapa yang menjumpai sesuatu harta maka hendaklah ia hebahkan selama setahun"*
>
> (Al-Daruqutni)

Ketika ditanya tentang Harta Luqatah Rasulullah S.A.W. bersabda:

> *"Kenalilah akan ikatan yang mengikat harta tersebut serta bekasnya, kemudian hebahkanlah selama setahun. Sekiranya kamu tidak menemui tuannya maka kamu boleh memilikinya dan membelanjakannya, dan hendaklah ia dijadikan sebagai barang simpanan di bawah jagaan kamu. Sekiranya pada suatu hari datang tuannya kepada kamu maka berikanlah kepadanya"*
>
> (Al-Bukhari)

## JENIS-JENIS HARTA LUQATAH

Terdapat dua jenis Harta Luqatah iaitu:

**a) Luqatah Bukan Haiwan**

Luqatah Bukan Haiwan terdiri daripada :

i. Harta yang cepat rosak, seperti makanan. Dari segi hukum harta begini boleh diberi pilih kepada penemunya sama ada untuk memakan atau menggunakannya dan diganti, atau dia menjualnya dan menyimpan harganya;

ii. Harta yang cepat rosak tetapi boleh dijaga supaya tidak rosak. Bagi harta jenis ini wajib bagi penemunya mengambil tindakan yang sewajarnya bagi kepentingan pemilik asal iaitu menjual dan menyimpan harganya, melakukan sesuatu yang boleh mengelakkan harta tersebut dari rosak dengan belanja sendiri, atau dia menjual sebahagian harta tersebut bagi tujuan perbelanjaan penjagaan harta yang selebihnya;

iii. Harta yang tidak rosak. Bagi harta ini wajib bagi penemu menjaganya selama tempoh hebahan.

**b) Luqatah Haiwan**

Harus bagi penemu memelihara haiwan yang ditemuinya dan dikembalikan kepada tuannya apabila dituntut. Beliau boleh meminta dari tuan asalnya jumlah perbelanjaan yang digunakannya. Harus juga bagi beliau menjual dan menyimpan wang hasil jualan.

## KUASA PENJAGA HARTA LUQATAH

Semasa berada di bawah jagaannya, penemu Harta Luqatah berkewajipan untuk menjaganya dengan cara yang sepatutnya. Dia tidak bertanggungjawab sekiranya berlaku apa-apa perkara kepada harta tersebut selama mana tidak ada kecuaian dari pihaknya. Walau bagaimanapun, penemu berkewajipan membuat hebahan terhadap Harta Luqatah tersebut.

Harta Luqatah yang bersifat remeh dan kecil yang kebiasaannya tidak dipedulikan oleh pemiliknya tidak wajib dihebahkan dan boleh dimiliki oleh penemunya.

## TEMPOH HEBAHAN

Tempoh hebahan bagi harta yang bernilai ialah selama setahun sebagaimana yang disebut dalam hadis Rasulullah S.A.W. Bagi harta yang tidak begitu bernilai pada pandangan masyarakat, tempoh setahun adalah tidak perlu. Bahkan memadai untuk satu tempoh yang dianggap pada kebiasaannya telah sampai hebahan tersebut kepada pemilik asalnya.

Hebahan hendaklah dilakukan di tempat-tempat awam seperti pasar, di pintu-pintu masjid, akhbar-akhbar dan seumpamanya yang menjadi tempat kunjungan orang ramai.

## HUKUM PEMILIKAN HARTA LUQATAH

Apabila seorang Muslim menemui barangan luqatah, dia digalakkan mengambilnya jika yakin mampu bersifat amanah dan bimbang barangan tersebut tidak akan ditemui oleh pemiliknya. Ini dilakukan bagi menjaga hak saudara Muslimnya.

Jika dia tidak yakin akan bersikap amanah dan bimbang dia sendiri akan mengambil terus barangan tersebut, **makruh** baginya mengambilnya.

Jika dia merasakan dirinya tidak akan bersikap amanah dan akan mengambilnya untuk memilikinya dan bukan untuk dikembalikan, **haram** baginya mengambilnya.

Rasulullah S.A.W. pernah menyentuh perkara ini:

> *"Orang yang mengambil barang yang hilang adalah berdosa selagi dia tidak menghebahkannya."*
>
> (Ahmad)

Mengikut pandangan jumhur fuqaha, **harus** bagi penemu Harta Luqatah memiliki harta tersebut selepas tempoh hebahan sama ada beliau seorang yang kaya atau fakir. Jika harta tersebut telah dijual dia boleh memiliki harganya. Sekiranya pemilik asal ditemui beliau hendaklah mengembalikan harta atau harganya kepada pemilik tersebut sewajarnya.

## KESIMPULAN

Ilmu berkenaan Harta Luqatah amat jarang diketahui oleh masyarakat umum. Justeru, pendedahan kepada perkara-perkara asas yang patut diketahui oleh seorang Muslim dapat membantunya dalam menunaikan tanggungjawab kepada saudaranya yang ditimpa kesusahan kerana kehilangan harta yang menjadi hakmilik mereka sebelum ini.

## Bab 3

# PENGURUSAN HARTA LUQATAH DI MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI (MAIN)

*Sabda Rasullullah S.A.W. :*

*"Jika pemilik asal datang dan mengaku Harta Luqatah tersebut adalah miliknya serta boleh menyatakan sifat-sifatnya dengan betul dan meyakinkan, maka harta tersebut boleh dikembalikan kepadanya."*

*( Hadis Riwayat Muslim )*

## PENGENALAN

Bab ini berkisar mengenai prosedur pengurusan Harta Luqatah yang diamalkan di MAIN. Terdapat tiga prosedur yang harus dilalui sebelum harta tersebut boleh dikembalikan semula kepada pemiliknya yang sebenar iaitu Prosedur Penerimaan, Penyimpanan dan Pengurusan yang dikendalikan oleh MAIN. Jika pemilik sebenar tidak datang menuntut harta tersebut, maka harta itu boleh diteruskan kepada prosedur yang keempat iaitu Prosedur Lelongan sama ada secara Tertutup atau Terbuka. Prosedur terakhir adalah Prosedur Pengurusan Wang Hasil

Lelongan yang dilaksanakan di MAIN dalam menguruskan wang hasil lelongan Harta Luqatah tersebut.

## PROSEDUR PENERIMAAN HARTA LUQATAH

**a. Borang Penyerahan Harta Luqatah**.

Borang Penyerahan Harta Luqatah perlu diisi oleh individu yang menyerahkan Harta Luqatah itu. Ini adalah bertujuan bagi mendapatkan maklumat lengkap berkenaan ciri-ciri Harta Luqatah tersebut seperti nama, tempat, tarikh dan masa ianya dijumpai sebagai rujukan di masa hadapan.

**(Lampiran 1 : Borang Penyerahan Harta Luqatah)**

**b. Surat Akuan Terima Harta Luqatah dan Resit Rasmi.**

Pegawai Baitulmal yang bertugas semasa Harta Luqatah tersebut diserahkan perlu mengisi maklumat pada Surat Akuan Terima Harta Luqatah dan Resit Rasmi sebagai bukti penerimaan harta tersebut.

**(Lampiran 2 : Surat Akuan Terima Harta Luqatah)**

**c. Buku Rekod Terima Harta Luqatah.**

Pegawai Baitulmal perlu merekod maklumat berdasarkan Borang Penyerahan Harta Luqatah, Surat Akuan Terima Harta Luqatah dan Resit Rasmi yang lengkap tersebut ke dalam Buku Rekod Terima Harta Luqatah. Ini adalah bertujuan untuk memudahkan proses-proses semakan dan rujukan jika terdapat tuntutan atau lelongan pada masa hadapan.

**d. Simpan.**

Pegawai Baitulmal perlu menyimpan Harta Luqatah yang diserahkan tersebut di tempat yang selamat dengan cara

boleh menarik perhatian pemiliknya. Adalah tidak perlu mendedahkan kesemua ciri-ciri tersebut. Langkah ini bagi mengelak orang yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan dengan mengaku sebagai pemiliknya dan mengambil barangan yang bukan miliknya.

Bagi barangan yang sangat penting dan menyebabkan kehilangannya dirasai dalam tempoh yang lama kepada pemiliknya, MAIN akan menghebahkannya selama satu (1) tahun sebagaimana yang dinyatakan oleh nas. Ini kerana jika pemilik tersebut seorang musafir, biasanya dia akan kembali ke tempat kehilangan barangannya dalam masa tidak melebihi setahun.

Hebahan akan dibuat di setiap kawasan yang berhampiran dengan Harta Luqatah yang ditemui dan kawasan umum seperti di surau, masjid, tempat-tempat awam, tempat membeli belah dan sebagainya.

**(Lampiran 3 : Notis Hebahan)**

**b. Tuntutan/Pemulangan.**

Apabila seseorang datang dan menuntut barangan yang ditemui adalah miliknya, MAIN perlu menyoal si penuntut tersebut tentang sifat-sifat barangan berkenaan. Jika orang ini berjaya menyatakan sifat-sifatnya dengan betul dan dapat dilihat kejujurannya, penyerahan akan dibuat. Sesi soal selidik dilaksanakan melalui borang siasatan Harta Luqatah.

MAIN berhak mengenakan bayaran perkhidmatan kepada pemilik Harta Luqatah yang ingin membuat tuntutan. Bayaran ini dikenakan sebagai caj penjagaan dan hebahan yang telah dikeluarkan oleh MAIN.

**(Lampiran 4 : Borang Soal Selidik )**

**(Lampiran 5 : Contoh Akad Pemulangan Harta Luqatah kepada Pemilik )**

## PROSEDUR LELONGAN

Harta Luqatah hendaklah dilelong selepas satu (1) tahun dari tarikh hebahan. Satu Jawatankuasa Lelongan Harta Luqatah akan dibentuk yang terdiri daripada seorang pengerusi, setiausaha dan beberapa orang ahli jawatankuasa. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menentukan tarikh, tempat, tempoh dan penilaian harta luqatah yang akan dilelong.

Pengurusan lelongan Harta Luqatah di MAIN boleh dilaksanakan sama ada melalui lelongan tertutup atau secara terbuka.

## LELONGAN SECARA TERTUTUP

Kaedah lelongan ini hanya dibuka kepada syarikat-syarikat berdaftar yang menjalankan perniagaan emas, jam tangan dan telefon bimbit sahaja. Terdapat beberapa langkah telah dikenalpasti bagi kaedah ini, iaitu :

**a. Penyediaan tempat dan peralatan.**

Penyediaan tempat dan peralatan adalah meliputi perkara berikut:

**i. Penyediaan Tempat (ruangan pameran)**

Penyediaan ruang ini adalah mengikut kesesuaian ruang di dalam pejabat. Ruang ini adalah untuk menempatkan almari pameran barangan luqatah. Ruangan yang dicadangkan ialah ruang legar berhampiran kaunter pelanggan.

**ii. Penyediaan Peralatan (almari pameran)**

Almari pameran ini adalah sebagaimana bentuk Almari Pameran Kecil yang terdapat di kedai-kedai

yang sistematik bagi memudahkan proses kawalselia pada masa hadapan.

## PROSEDUR PENYIMPANAN

**a. Disimpan dalam peti besi (barangan berharga).**

Harta Luqatah yang diterima tersebut perlu disimpan dalam peti besi sekiranya ia merupakan barangan berharga bagi mengelakkan keadaan yang tidak diingini seperti kecurian, tersalah letak, kehilangan dan sebagainya.

b. Disimpan dalam akaun khas (wang).

Bagi Harta Luqatah berbentuk wang ringgit pula, ianya perlu disimpan dalam akaun khas bagi memudahkan pengurusan serta mengelakkan ianya bercampur dengan lain-lain wang terimaan.

## PROSEDUR PENGURUSAN

**a. Hebahan.**

Hebahan adalah wajib tanpa mengira sama ada pengambilan tersebut bertujuan menyimpan atau dengan tujuan menyimpan dan memilikinya.

Barangan yang ditemui dikenal pasti ciri-cirinya supaya apabila orang yang mengaku sebagai pemiliknya dapat disoal tentang ciri-cirinya oleh MAIN untuk mengetahui adakah orang tersebut pemilik sebenar atau tidak. Dengan ini, apabila penyerahan dibuat, barangan tersebut akan diserahkan dengan penuh yakin.

Setelah mengenali ciri-ciri yang ada, MAIN perlu mengisytiharkannya dengan menyebut beberapa ciri yang

emas. Ini adalah bertujuan untuk menempatkan barangan luqatah yang akan dipamerkan.

**(Lampiran 6 : Saiz dan bentuk almari yang dicadangkan)**

**b. Kaunter khidmat pelanggan.**

Sebaik-baiknya ruang pameran diletakkan berhampiran dengan kaunter khidmat pelanggan untuk memudahkan kerani khidmat pelanggan memberi layanan serta maklumat kepada pembeli yang datang. Kerani ini juga bertanggungjawab mengedarkan borang kepada pembeli dan juga menerima borang permohonan yang dikemukakan.

**c. Aspek keselamatan.**

Aspek keselamatan adalah sangat penting. Oleh itu, beberapa langkah berikut adalah dicadangkan :

i. Membuat hadangan di sekeliling ruang pameran supaya tidak terlalu terdedah kepada orang ramai; dan

ii. Kunci almari pameran hendaklah dipegang oleh seorang pegawai yang dilantik.

**d. Aspek lelongan.**

Dalam aspek lelongan, beberapa langkah diperlukan :

**i. Penilaian semula**

Penilaian semula perlu dibuat ke atas barangan luqatah yang akan dilelong. Penilaian semula ini adalah untuk mentaksirkan harga yang akan ditulis

pada “tag” dan dilekatkan pada barangan tersebut. Taksiran harga hendaklah dibuat oleh Jawatankuasa Lelongan Harta Luqatah.

**(Lampiran 7 : Tag Barangan)**

**ii. Penetapan masa lelongan**

Lelongan Tertutup ini akan dilangsungkan setelah satu (1) tahun hebahan dibuat.

Pameran barangan luqatah akan dibuat dalam tempoh satu (1) minggu. Selama tempoh tersebut, pembeli boleh mengemukakan borang permohonan lelongan secara tertutup.

Jawatankuasa Lelongan Luqatah akan menentukan pemohon yang berjaya dan surat tawaran membeli akan dihantar kepada mereka dalam tempoh satu (1) minggu.

Pembeli yang berjaya diberi tempoh satu (1) minggu untuk melunaskan bayaran. Bayaran boleh dibuat dengan cara tunai ataupun dengan menggunakan draf atau cek bank. Sekiranya pembeli pertama gagal melunaskan bayaran dalam tempoh satu (1) minggu, tawaran akan dikemukakan kepada pembeli yang menawarkan harga kedua tertinggi berikutnya.

Proses bagi tawaran yang kedua ini juga memerlukan tempoh satu (1) minggu dan akan ditentukan oleh Jawatankuasa Lelongan Harta Luqatah.

Pembeli kedua juga akan diberikan tempoh satu (1) minggu untuk melunaskan bayaran dan bayaran hendaklah dibuat dengan cara sebagaimana yang telah dinyatakan di atas.

**e. Penyediaan dokumentasi.**

Dokumentasi-dokumentasi yang terlibat di dalam proses lelongan Harta Luqatah adalah seperti berikut :

**i. Pemberitahu**

Pemberitahu – iaitu notis yang akan ditampal di tempat-tempat awam ataupun disiarkan di akhbar-akhbar tempatan ataupun di laman web MAIN. Ini bertujuan untuk memaklumkan kepada orang ramai mengenai lelongan yang akan dilangsungkan. Notis ini juga adalah untuk memberitahu masa, tempat dan tarikh lelongan tersebut akan diadakan.

**(Lampiran 8 : Notis / Contoh Pemberitahu Tawaran Lelongan)**

**ii. Borang Belian Harta Luqatah**

Borang untuk membeli barangan luqatah mengandungi keterangan peribadi pemohon dan keterangan mengenai barangan luqatah serta harga tawaran yang perlu diisi oleh pihak pembeli.

**(Lampiran 9 : Contoh Borang Belian Harta Luqatah)**

**iii. Surat tawaran membeli**

Surat tawaran membeli iaitu dihantar kepada pemohon yang berjaya dalam sesi lelongan yang telah dilangsungkan. Dalam surat tawaran tersebut, pihak MAIN memberi tempoh selama 7 hari kepada pembeli untuk melunaskan pembayaran.

**(Lampiran 10 : Contoh Surat Tawaran Membeli)**

iv. **Rekod lelongan**

Rekod lelongan ini mengandungi nombor siri, nama dan alamat pembeli, berat keseluruhan, jenis barangan, jenis emas, harga serta harga lelongan untuk tujuan rekod.

**(Lampiran 11 : Contoh Rekod Lelongan)**

f. **Syarat-syarat dan peraturan memasuki lelongan tertutup**

Hanya syarikat yang telah menjalankan perniagaan yang sah dari segi undang-undang sahaja layak dipertimbangkan memasuki lelongan secara tertutup ini.

g. **Pemilihan syarikat**

Pihak pengurusan MAIN Harta Luqatah akan mengenalpasti dan seterusnya menyenaraikan nama-nama syarikat yang menjalankan perniagaan untuk dipilih menjadi pembeli bagi membeli barangan luqatah. Senarai syarikat-syarikat ini seterusnya akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Lelongan Harta Luqatah untuk memilih dan mengesahkan perkara tersebut.

## LELONGAN SECARA TERBUKA

Proses lelongan ini dibuka kepada setiap individu yang berminat untuk membeli barangan luqatah. Proses ini dicadangkan untuk menjadi pilihan kedua selepas lelongan secara tertutup yang masih mempunyai baki.

Syarat-syarat dan peraturan memasuki lelongan secara terbuka:

a. Seseorang yang memasuki lelongan secara terbuka tidak akan dikenakan sebarang had untuk memasuki

lelongan, iaitu boleh membeli mana-mana barangan yang dipamerkan;

b. Pembida yang berjaya hendaklah membuat bayaran secara tunai ataupun draf atau cek bank.

Penyediaan tempat adalah sebagaimana kaedah lelongan secara tertutup iaitu dipamerkan di dalam almari pameran dan ruang legar ataupun ruangan yang sesuai dan selamat.

**Aspek lelongan** – harga bagi sesuatu barangan adalah sebagaimana harga bagi kaedah lelongan secara tertutup.

**Penetapan masa** – lelongan barangan luqatah akan diadakan 2 minggu selepas selesai lelongan secara tertutup bergantung kepada kesesuaian masa. Pameran selama 2 hari akan diadakan kepada pembida yang berminat untuk membeli.

Jawatankuasa Lelongan Luqatah akan menentukan pembida yang berjaya dan akan memberi tempoh satu (1) minggu kepada individu terbabit untuk melunaskan bayaran. Bayaran tersebut hendaklah dibuat secara tunai ataupun menggunakan draf atau cek bank.

Penyediaan dokumentasi adalah sebagaimana di bawah:

**i. Pemberitahu**

Pemberitahu – iaitu notis yang akan ditampal di tempat-tempat awam ataupun disiarkan di dalam akhbar-akhbar tempatan. Ini bertujuan untuk memaklumkan kepada orang ramai mengenai lelongan yang akan dilangsungkan. Notis ini juga adalah untuk memberitahu masa, tempat dan tarikh lelongan tersebut akan diadakan.

**(Lampiran 8 : Notis / Contoh Pemberitahu Tawaran Lelongan)**

**ii. Borang Belian Harta Luqatah**

Borang untuk membeli barangan luqatah mengandungi keterangan peribadi pembida dan keterangan mengenai barangan luqatah serta harga tawaran yang perlu diisi oleh pihak pembida.

**(Lampiran 9 : Contoh Borang Belian Harta Luqatah)**

**iii. Surat tawaran membeli**

Surat tawaran membeli iaitu dihantar kepada pembida yang berjaya dalam sesi lelongan yang telah dilangsungkan. Dalam surat tawaran tersebut, pihak MAIN memberi tempoh selama 7 hari kepada pembida untuk melunaskan pembayaran.

**(Lampiran 10 : Contoh Surat Tawaran Membeli)**

**iv. Rekod lelongan**

Rekod lelongan ini mengandungi nombor siri, nama dan alamat pembida yang berjaya, berat keseluruhan, jenis barang, jenis emas, harga serta harga lelongan untuk tujuan rekod.

**(Lampiran 11 : Contoh Rekod Lelongan)**

## PROSEDUR PENGURUSAN WANG HASIL LELONGAN

Wang hasil daripada lelongan Harta Luqatah akan dimasukkan ke dalam dua (2) tabung mengikut amalan yang menjadi kebiasaan MAIN yang diambil sebagai contoh seperti berikut :

**a. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP):**

MAIWP akan menyalurkan wang hasil lelongan Harta Luqatahnya ke dalam Tabung Akaun Sumber Am Luqatah

yang merupakan satu akaun khas bagi hasil lelongan tersebut

**b. Majlis Agama Islam Selangor (MAIS):**

MAIS pula akan menyalurkan wang hasil lelongan Harta Luqatahnya ke dalam Tabung Sumber Am Baitulmal.

Hasil yang terkumpul di dalam tabung tersebut seterusnya akan digunapakai bagi membangunkan sosio-ekonomi untuk kemaslahatan ummah.

## KESIMPULAN

Prosedur dalam menguruskan Harta Luqatah adalah sebagai satu kayu pengukur yang menentukan kemampuan dan kecekapan MAIWP dan MAIS mengendalikan hal-ehwal harta umat Islam. Justeru itu, Manual ini bolehlah menjadi panduan MAIN yang lain dalam rancangan mereka untuk memperkasakan pengurusan Harta Luqatah masing-masing supaya menjadi lebih seragam dan teratur.

## Bab 4
# PENUTUP

*Sabda Rasullullah S.A.W. :*

*"Umumkan Harta Luqatah tersebut selama setahun.
Jika tiada sesiapa yang datang menuntut hak,
maka gunakanlah ia sebagai amanah kepada kamu.
Dan jika pemilik asalnya datang menuntut hak,
kembalikanlah haknya."*

*(Hadis Riwayat Al-Bukhari dan Muslim )*

Harta Luqatah adalah merupakan salah satu sumber kewangan yang boleh menyumbang kepada pembangunan ummah, namun begitu masih ramai yang belum sedar tentang kewajipan menyerahkan harta yang tercicir ini kepada pihak yang berkuasa iaitu MAIN. Dengan kuasa dan kepakaran serta tenaga kerja yang ada, MAIN akan lebih mampu untuk melaksanakan tanggungjawab menyimpan dan menghebahkannya kepada pemilik asal. Sekiranya tiada tuntutan selepas setahun hebahan, wang hasil lelongan dapat digunakan secara bermanfaat untuk pembangunan Islam dan ummah sejagat.

Justeru, diharapkan dengan terbitnya Manual ini, masyarakat lebih sedar tentang keperluan menyerahkan Harta Luqatah kepada pihak MAIN, dan masyarakat juga akan menjadi lebih arif tentang hal-ehwal pengurusan Harta Luqatah yang diamalkan di MAIN. Oleh yang demikian, adalah menjadi harapan agar

serahan harta-harta luqatah oleh orang awam kepada MAIN akan lebih meningkat selepas ini di mana masyarakat mula sedar wujudnya satu organisasi pemegang amanah yang bertanggungjawab melaksanakan urusan amanah secara telus di setiap negeri di Malaysia. Semoga Manual ini akan membawa pelbagai pengetahuan dan manfaat kepada semua.

# LAMPIRAN

# SENARAI LAMPIRAN


| | | |
|---|---|---|
| i. | Borang Penyerahan Harta Luqatah | Lampiran 1 |
| ii. | Surat Akuan Terima Harta Luqatah | Lampiran 2 |
| iii. | Notis Hebahan Harta Luqatah | Lampiran 3 |
| iv. | Borang Soal Selidik Harta Luqatah | Lampiran 4 |
| v. | Contoh Akad Pemulangan Harta Luqatah Kepada Pemilik | Lampiran 5 |
| vi. | Almari Pameran | Lampiran 6 |
| vii. | Tag Harta Luqatah | Lampiran 7 |
| viii. | Pemberitahu : Tawaran Jualan Harta Luqatah | Lampiran 8 |
| ix. | Contoh Borang Belian Harta Luqatah | Lampiran 9 |
| x. | Contoh Surat Tawaran Membeli | Lampiran 10 |
| xi. | Rekod Lelongan | Lampiran 11 |

**LAMPIRAN 1**

## BORANG PENYERAHAN HARTA LUQATAH

NAMA : ..........................................................................................
ALAMAT : ..........................................................................................
: ..........................................................................................
NO. K/P : ..........................................................................................
TELEFON : ..........................................................................................
TARIKH : ..........................................................................................

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Setiausaha
Majlis Agama Islam Negeri ...............................

Tuan,

**PENYERAHAN HARTA LUQATAH**

Adalah saya dengan ini menyerahkan amanah harta luqatah kepada pihak Pengurusan Baitulmal, Majlis Agama Islam Negeri ............ untuk tindakan pihak tuan selanjutnya.

1. Butir-butir harta adalah seperti berikut :

   1.1 Jenis Harta : ..................................................
   1.2 Tempat Dijumpai : ..................................................
   1.3 Tarikh Dijumpai : ..................................................
   1.4 Kuantiti Harta : ..................................................

Sekian.

والسلام

Saya yang ikhlas,

........................................
( )

| **SAKSI 1** | **SAKSI 2** |
|---|---|
| Nama : ............................................ | Nama : ............................................. |
| No. K/P : ........................................ | No. K/P : ..................................... |
| Alamat : ......................................... | Alamat : ............................................ |
| ......................................................... | .......................................................... |

**Untuk Kegunaan Pejabat**

Diterima oleh : ....................................................................
Jawatan : ....................................................................
Catatan : ....................................................................
....................................................................
....................................................................

**LAMPIRAN 2**

## SURAT AKUAN TERIMA HARTA LUQATAH

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

............................................................
............................................................
............................................................

Tuan / Puan,

**SERAHAN HARTA LUQATAH**

Adalah saya dengan segala hormatnya diarah menarik perhatian Tuan / Puan kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan Majlis Agama Islam Negeri ...................... telah menerima serahan luqatah berupa wang / dan lain-lain ................bertarikh .................... berjumlah (RM : .................. / gm : ...................).

3. Sebagai bukti penerimaannya bersama ini disertakan bersama resit rasmi pejabat ini No. ..................... bertarikh ................. untuk simpanan Tuan / Puan. Sehubungan dengan itu, sekiranya terdapat tuntutan pemilikan, sila kemukakan ke pejabat ini dengan segera untuk tindakan selanjutnya.

4. Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

والسلام

Saya yang menurut perintah,

.........................................
(                                        )
b.p. :- Setiausaha
Majlis Agama Islam Negeri ....................................................

**LAMPIRAN 3**

**MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI ....................................**

**NOTIS HEBAHAN HARTA LUQATAH**
**TARIKH : ...............................**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Sukacita dimaklumkan, Majlis Agama Islam Negeri ..................telah menerima penyerahan harta luqatah (harta yang tercicir atau hilang). Pemilik dikehendaki datang sendiri ke Majlis Agama Islam Negeri .................. untuk tindakan selanjutnya. Pemilik boleh berbuat demikian dalam tempoh **satu (1) tahun** dari tarikh notis ini dikeluarkan.

**Setiausaha,**
**MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI ........................**

| | | |
|---|---|---|
| Alamat | : | ............................................ |
| No. Telefon | : | ............................................ |
| No. Faks | : | ............................................ |

**LAMPIRAN 4**

**MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI ......................................**
**Alamat : .........................................................**
**No. Telefon : .........................................................**
**No. Faks : .........................................................**

## BORANG SOAL SELIDIK HARTA LUQATAH

## 1. MAKLUMAT PEMOHON / PEMILIK

NO. RUJUKAN : ...............................

1.1 NAMA PEMOHON :
...................................................................................................................

1.2 NO. KAD PENGENALAN :
(LAMA) ..................................................
(BARU) ..................................................
1.3 JANTINA : LELAKI / PEREMPUAN *
1.4 STATUS : KAHWIN / BUJANG / DUDA / JANDA *
1.5 ALAMAT SURAT-MENYURAT :
...................................................................................................................
...................................................................................................................
...................................................................................................................

1.6 TARIKH LAHIR: ...................................UMUR: ..................................
1.7 PEKERJAAN : .........................................................................................

1.8 ORANG YANG BOLEH DIHUBUNGI DAN HUBUNGANNYA DENGAN PEMOHON

| BIL. | NAMA | ALAMAT | NO. IC / PASSPORT | HUBUNGAN | NO. TEL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | |
| | | | | | |

## 2. MAKLUMAT SAKSI-SAKSI

| BIL. | NAMA | ALAMAT | NO. IC / PASSPORT | HUBUNGAN | NO. TEL |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | |
| | | | | | |

## 3. MAKLUMAT HARTA

| BIL. | JENIS | KUANTITI | LOKASI |
|---|---|---|---|
| | | | |
| | | | |

## 4. LAPORAN SIASATAN

.........................................................................................................

.........................................................................................................

.........................................................................................................

.........................................................................................................

.........................................................................................................

Disediakan oleh :

........................................................ Tarikh : ...........................
(Nama: )
(Jawatan: )

## 5. ULASAN PEGAWAI BAITULMAL

ULASAN ..........................................................................................................
.........................................................................................................................
.........................................................................................................................
.........................................................................................................................
.........................................................................................................................

.........................................................
(Nama: )
(Jawatan: )

## 6. ULASAN TIMBALAN SETIAUSAHA MAJLIS AGAMA ISLAM .........................

ULASAN ..........................................................................................................
.........................................................................................................................
.........................................................................................................................
.........................................................................................................................
.........................................................................................................................

...................................................... Tarikh : ..........................
(Nama: )

## 7. GAMBAR-GAMBAR (SEKIRANYA ADA)

# LAMPIRAN 5

## CONTOH AKAD PEMULANGAN HARTA LUQATAH KEPADA PEMILIK

**Pegawai Baitulmal :**

"Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, Majlis Agama Islam Negeri................. sebagai pemegang amanah harta tuan, dengan ini Majlis mengembalikan harta ini kepada tuan sebagai pemilik asal".

**Pemilik :**

"Saya dengan ini menerima kembali harta saya dan bersama ini disertakan RM : ........................sebagai upah hebahan dan penjagaan selama mana harta ini dalam jagaan pihak tuan"

**Pegawai Baitulmal :**

"Dengan ini Majlis menerima RM : ................sebagai upah hebahan dan penjagaan Harta Luqatah, ini bukan semata-mata kerana keuntungan."

Al-Fatihah

Doa :

# LAMPIRAN 6

## ALMARI PAMERAN



## LAMPIRAN 7

## "TAG" HARTA LUQATAH

| | |
|---|---|
| **No. Siri** | **: ......................................................................** |
| **Jenis Luqatah** | **: ......................................................................** |
| **Berat (gm)** | **: ......................................................................** |
| **Jenis Emas** | **: ......................................................................** |
| **Harga Asas** | **: ......................................................................** |

**LAMPIRAN 8**

**MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI...................**

Rujukan :
Tarikh :

**PEMBERITAHU**
**TAWARAN JUALAN HARTA LUQATAH**

Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Agama Islam Negeri ........................ bersetuju menawarkan kepada orang ramai untuk membeli barang-barang luqatah melalui sebut harga berdasarkan Harga Asas yang ditetapkan.

2. Harta luqatah tersebut ada dipamerkan sebagaimana berikut :

TEMPAT :
TARIKH :
MASA :

3. Sesiapa yang berminat boleh mendapatkan borang tawaran Jualan Tender di Majlis Agama Islam Negeri. Tawaran yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang disediakan sebelum atau selewat-lewatnya pada .......................

4. Pihak Majlis Agama Islam Negeri tidak terikat dengan mana-mana tawaran samada tawaran tertinggi atau terendah. Semua tawaran membeli harta luqatah tersebut adalah dalam bentuk wang tunai / cek / bank draf.

Sekian, terima kasih.

..................................................
b.p. :- Setiausaha
Majlis Agama Islam Negeri .............................

**LAMPIRAN 9**

## CONTOH BORANG BELIAN HARTA LUQATAH

Syarikat ☐

Individu ☐

*** Tandakan mana yang berkenaan.**

NAMA SYARIKAT / PEMOHON : ....................................................................
SIJIL PENDAFTARAN SYARIKAT / NO. KAD PENGENALAN: .............
ALAMAT SURAT-MENYURAT: ......................................................................
..........................................................................................TELEFON: .......................

Kepada
Setiausaha
Majlis Agama Islam Negeri ...............

Tuan,
Saya sebagaimana di atas, dengan ini bersetuju membeli barang-barang luqatah sebagaimana harga tawaran yang saya nyatakan di bawah :

| BIL. | NO. SIRI | JENIS BARANG LUQATAH | BERAT (GM) | HARGA ASAS | HARGA TAWARAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | | | | | |
| 2. | | | | | |
| 3. | | | | | |

Sekian, terima kasih.

......................................
Pemohon / Syarikat :
Tarikh :

## LAMPIRAN 10

### CONTOH SURAT TAWARAN MEMBELI

NAMA SYARIKAT : ..........................................................................................
SIJIL PENDAFTARAN SYARIKAT: ..................................................................
ALAMAT SURAT-MENYURAT: ........................................................................
......................................................................... TELEFON: .........................

Tuan,

2. Adalah dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

3. Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Agama Islam Negeri ..................
ini telah memilih syarikat tuan untuk membeli harta-harta tersebut :

a. ................................................
b. ................................................
c. ................................................
d. ................................................

4. Sehubungan itu, pihak tuan dimohon membuat pembayaran mengenai pembelian tersebut selewat-lewatnya tujuh hari dari tarikh surat tawaran ini dikeluarkan.

Sekian terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

.........................................
( )
b.p. :- Setiausaha
Majlis Agama Islam Negeri ...................................

**LAMPIRAN 11**

## REKOD LELONGAN

Tarikh :

| No. Siri | Nama Pembeli | Alamat | Berat (gm) | Jenis | Harga Asas (RM) | Harga Lelongan (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | |

Disahkan oleh :

....................................
( )

b.p :- Setiausaha

Majlis Agama Islam Negeri .................................